



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

SEMPENA

**SABAH INTERNATIONAL FOOD EXPO (SIFEX) 2024
SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (SICC)**

9 MAC 2024 (SABTU)

10.30 PAGI

RUJUK SALUTASI TERKINI DI LAPANGAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Perpaduan, Salam MALAYSIA MADANI dan Salam PINTAR

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

1. Pertamanya, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada **ESM Exhibitor Relations Malaysia** selaku penganjur program atas kesudian menjemput saya untuk hadir dan merasmikan **SABAH INTERNATIONAL FOOD EXPO** atau **SIFEX 2024** pada hari ini.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang sama-sama terlibat menyumbang tenaga dan usaha dalam menjayakan ekspo antarabangsa ini, yang sekali lagi mengangkat dan mengekalkan tema “***Taste for Business***” sebagai kesinambungan tema SIFEX pada tahun yang lepas.

HALA TUJU DAN FOKUS KPKM BAGI TAHUN 2024

Tuan/Puan yang saya hormati,

3. Saya telah menetapkan hala tuju KPKM bagi tahun 2024; yang bertemakan **“INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT”** atau **PINTAR** yang meneruskan fokus tahun 2023 iaitu pemerksaan akuakultur, perluasan penternakan ruminan, penanaman jagung bijian, penglibatan golongan belia dan pemerksaan institut latihan pertanian.
4. Bagi tahun 2024, saya juga telah menekankan kepada pembangunan **empat (4) industri iaitu padi dan beras, ayam itik dan telur, bawang merah dan nanas** dalam memastikan kemajuan yang berterusan untuk menangani cabaran keselamatan makanan dan untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian.
5. Konsep **PINTAR** ini disandarkan kepada lima (5) teras strategik iaitu, **(1) pembangunan kapasiti industri dan infrastruktur; (2) reformasi institusi dan tatakelola; (3) penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan**

Inovasi (R&D&C&I).; (4) teknologi mekanisasi automasi DAN (5) perluasan jaringan kolaborasi berkonsepkan **“Whole Government, Whole Of Society Approach”** yang perlu diaplikasikan dalam semua fokus yang telah saya tetapkan.

6. Saya percaya, tema SIFEX pada tahun ini sejajar dengan usaha-usaha pengukuhan sektor makanan dan minuman menerusi penerapan elemen inovasi untuk meningkatkan kecekapan, kemampanan dan produktiviti bagi bukan sahaja memenuhi aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2020-2030 (DAN) 2.0 tetapi juga seiring dengan **Teras 1, 3 dan 5 Konsep PINTAR.**

MENGANTARABANGSAKAN PRODUK MAKANAN HALAL MALAYSIA

Tuan/Puan yang saya hormati,

7. Sudah tentunya menjadi hasrat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk melihat produk tempatan menembusi pasaran antarabangsa. Dari segi eksport, produk makanan proses terutamanya yang **berstatus halal Malaysia telah berjaya di lebih 150 negara yang mencakupi 1.8 bilion umat Islam global.**

8. Saya percaya pasaran ini masih luas dan dengan usaha yang dilipat gandakan, tidak mustahil satu hari nanti produk tempatan berstatus Halal Malaysia **bukan sahaja hanya tertumpu di negara majoriti islam** malah turut menjadi produk pilihan dan mempunyai **permintaan yang tinggi di seluruh pelosok dunia.**

9. Saya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta kementerian-kementerian lain yang berkaitan **sentiasa menyokong usaha para penggiat industri makanan tempatan untuk mengembangkan produk dan perkhidmatan di peringkat global** melalui pelbagai galakan dan insentif kerajaan sama ada dalam bentuk bantuan khidmat nasihat, latihan, geran pembiayaan dan insentif cukai.

MEMANFAATKAN INOVASI TEKNOLOGI DIGITAL

Tuan/Puan yang saya hormati,

10. Teknologi digital pada era Revolusi Industri 4.0 mempengaruhi semua peringkat rantai nilai agromakanan. Pendigitalan digabungkan dengan inovasi dan eko-inovasi

untuk **mendapatkan kelebihan daya saing yang lebih mampan**. Dengan kata lain, teknologi digital merupakan kunci utama mentransformasikan kaedah sesuatu makanan dihasilkan, diproses, dijual dan dimakan.

11. Dalam konteks ini, kita sering dapat melihat kejayaan luar biasa para usahawan khususnya di kalangan golongan belia yang lebih sinonim dengan panggilan pengengaruh media sosial, berjaya menggandakan sumber pendapatan mereka dengan meningkatkan jualan produk-produk tempatan menerusi platform media sosial.
12. Saya percaya, anak-anak Sabah juga mampu menghasilkan produk makanan dari negeri Sabah yang berpotensi dipasarkan dan dijual ke seluruh negara menggunakan platform aplikasi digital, online mahupun offline. Ayuh bah, kita sohorkan produk makanan “taste of Sabah” yang onsoi bagi merancakkan lagi pasaran makanan yang diunjurkan berkembang menjelang 2027.

PENUTUP

13. Akhir kata, saya ucapkan tahniah kepada **ESM Exhibitor Relation Malaysia** serta rakan-rakan strategik serta pihak yang terlibat penganjuran SIFEX 2024 pada hari ini.
14. Adalah menjadi harapan saya supaya semua usaha murni Kerajaan **terus diperkasa dan mendapat sokongan semua pihak** selari dengan matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti makanan negara sepanjang masa.
15. Dikesempatan ini juga, dengan penuh takzimnya saya ingin memanjangkan jemputan kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk **memeriahkan acara dwi-tahunan Kementerian iaitu Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA)** yang akan diadakan pada **11 hingga 22 September 2024 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor**. Program ini akan melibatkan lebih daripada 2,000 pempamer dengan jangkauan seramai 3 juta orang pengunjung yang hadir.

16. Sebelum menoktahkan ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan al-Mubarak kepada saudara-saudari semua. Terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada ESM Exhibitor Relations Malaysia atas kejayaan menganjurkan ekspo ini. Onsoiiii!!!

Dengan itu, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dengan sukacitanya merasmikan

“SABAH INTERNATIONAL FOOD EXPO 2024”

Sekian, terima kasih.